



2

LAMBANG KEGAGAHAN BANGSA

Selama 3 hari sejumlah 70 keris berusia lebih 80 tahun dari rantau Nusantara dipertontonkan kepada umum



Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Keris adalah senjata yang pernah menjadi lambang kekuatan orang Melayu dan ia perlu diperkasa supaya tidak dilupakan begitu sahaja.

Menyedari kepentingan itu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi bersama-sama Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil peranan mengajurkan Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu selama tiga hari bermula 30 September lalu.

Ia dirasmikan oleh Penasihat Hal Ehwal Sosio Budaya Kerajaan Malaysia Tan Sri Dr Rais Yatim.

Temasya itu bertujuan memberi pendedahan kepada golongan muda di negara ini mengenai ilmu, budaya dan warisan Melayu, keunikan dan ketinggian peradaban Melayu, jati diri bangsa serta memperluaskan jaringan warisan dan budaya Melayu.

Yang Dipertua Persatuan Seni Purba Nusantara Selangor (PURBA) Zárim Marzuki berkata, sebanyak 70 keris dipamerkan dalam temasya berkenaan yang

semuanya berusia lebih 80 tahun.

Beliau berkata, keris itu adalah koleksi persatuan berkenaan sejak lebih 10 tahun lalu yang diperoleh dari utara Semenanjung Malaysia, Thailand dan Indonesia.

"Setiap keris dibezakan berdasarkan reka bentuknya yang menunjukkan ciri kedaerahan senjata berkenaan. Sebagai contoh keris yang berasal dari utara semenanjung Malaysia, bilahnya tidak banyak perbezaan dengan keris dari Pattani, Thailand, tetapi sarung kedua-duanya adalah

berbeza," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, keris dari Sumatera, Indonesia memiliki ragam tamor (corak) pada bilah dan sarung yang lebih mewah.

Zarim berkata, manakala keris dari Jawa pula memiliki reka bentuk tersendiri dan ragam tamornya lebih mewah berbanding keris dari Sumatera.

"Harga setiap keris ditentukan kepada keunikan reka bentuk, usia dan keutuhan bilah meskipun usianya mencecah puluhan tahun," katanya.

Sementara itu Dr Rais berkata, satu kongres budaya akan diadakan tahun hadapan bagi memperkasakan semula warisan, budaya dan sejarah di negara ini yang semakin dilupakan khususnya generasi baharu.

Menurutnya, kongres berkenaan akan membuat penyusunan semula perkara yang perlu dilakukan untuk kepentingan bangsa dan negara ini.

"Ia berkaitan dengan pendidikan, penyebaran agama Islam, budaya dan warisan yang kian terpinggir kerana terlalu mengikuti cara kehidupan moden.

"Kecintaan terhadap budaya Melayu perlu dibangkitkan semula oleh orang Melayu itu sendiri dan bukan bangsa lain," katanya.

Antara keris yang dipamerkan:

- 1) Keris Anak Alang Guling
- 2) Keris Charita
- 3) Keris Bugis Sepokal
- 4) Keris Luk 5 Sumatera
- 5) Keris Malela Luk Jarak
- 6) Keris Luk 9
- 7) Keris Bugis Luk 5
- 8) Keris Beko
- 9) Keris Pandai Saras Luk 9
- 10) Keris Unduk-unduk Luk Mayang
- 11) Keris Sotong
- 12) Keris Tanjung Charita
- 13) Keris Sepokal Lurut
- 14) Keris Bugis Luk 3
- 15) Keris Bugis Luk 7
- 16) Keris Chenok Luk 9
- 17) Keris Malela Luk 5
- 18) Keris Alang
- 19) Keris Palembang Luk 5
- 20) Keris Malela Luk 3
- 21) Keris Pandai Saras Lurus
- 22) Keris Luk 7 Megantara
- 23) Keris Luk 5 Pulanggeni
- 24) Keris Luk 9 Sempena
- 25) Keris Lurus Sinom
- 26) Keris Luk 3 Jangkung



3



1. DR Rais bersama penggiat seni warisan Melayu pada Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu.

2. TEKNIK pembikinan senjata diperlihatkan kepada umum sepanjang pameran.

3&4. PELBAGAI jenis keris dan senjata terpilih dari negara rantau Nusantara mendrik perhatian pengunjung.

5. PENGUNJUNG mengamati kaedah pembuatan senjata.